



سَمِينَر كَبْغَسَاءَن قَنْدِيدِيْقَن مَلَايُو إِسْلَام بَرَاچ

SEMINAR KEBANGSAAN PENDIDIKAN MELAYU ISLAM BERAJA

SEMARAK HARI KEBANGSAAN SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-40

Tema

**"MEMPERKASA PENGHAYATAN AMALAN DAN NILAI-NILAI MELAYU
ISLAM BERAJA KE ARAH MEREALISASIKAN WAWASAN 2035"**

Hari Sabtu

21 Syaaban 1445H Bersamaan 02 Mac 2024M

08.00 pagi hinggaw 04.30 petang

Dewan Auditorium,


Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah



بِرَسَائِلِ
مِنَ حَقَائِقِ
ظَاهِرِ
نِعْمَتِ
رَبِّكَ

BERSATU
MENCAPAI
CITA NEGARA

BUKU PROGRAM



PENDAHULUAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين
والصلاة والسلام على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين

Melayu Islam Beraja merupakan falsafah kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang diisytiharkan secara rasminya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa pemasyhuran kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984 bersamaan 27 Rabiul Awwal 1404 Hijrah.

Baginda bertitah,

“...Negara Brunei Darussalam adalah dan dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wata’ala akan untuk selama-lamanya menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik, bersendikan kepada ajaran-ajaran agama islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah...” .

Dengan berfalsafahkan konsep Melayu Islam Beraja ini, Brunei telah berjaya membuktikannya kepada dunia dengan keutuhan sistem politik beraja. Malah rakyat Brunei, tanpa mengira bangsa mampu mengekalkan identiti kebruneian selaras dengan perkembangan dunia moden dalam era globalisasi masa ini. Brunei telah berjaya mempertahankan dan mengekalkan institusi kesultanan, adat resam negara, budaya-budaya kebruneian yang telah diwarisi lebih dari 600 tahun yang lalu. Kesimpulannya, tidak boleh dinafikan lagi bahawa falsafah yang disemat dalam hati setiap rakyat Brunei ini menjadi penyumbang kepada kemakmuran Brunei.

Menyedari akan peri mustahaknya memperkasa serta meningkatkan kefahaman dan penghayatan sekaligus mempertahankan amalan nilai-nilai MIB dan mengekalkan warisan tradisi lama ini sebagai satu sumber kesejahteraan dan kemakmuran kehidupan bermasyarakat dan bernegara terutamanya dalam

kalangan golongan generasi muda, maka pada tahun ini Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Pusat Ilmu Teras dengan kerjasama Pusat Sejarah Brunei dan Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja menganjurkan SEMINAR PENDIDIKAN MELAYU ISLAM BERAJA, Semarak Hari Kebangsaan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 bertemakan 'Memperkasa Penghayatan Amalan Dan Nilai-Nilai Melayu Islam Beraja Ke Arah Mencapai Wawasan 2035'.

RASIONAL

• Menjunjung tinggi Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam:

“Beta ingin tegaskan, bahawa Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang molek, yang sentiasa mementingkan ibadat kepada Allah. Ia dipandu oleh sistem MIB yang telah pun berjalan sekian lama sejak ratusan tahun lagi. Sistem ini berkewajipan untuk memelihara dan menjamin semua hak rakyat dan penduduk tanpa mengira puak dan pegangan mereka. Inilah MIB, konsep keramat yang telah berjaya menjelmakan sebuah negara yang adil lagi bahagia, yang hidup didalamnya sebuah komuniti yang bersatu padu.

Sistem MIB juga telah terbukti amat mesra kepada dunia, sehingga siapa saja yang datang berkunjung ke negara ini akan beroleh pengalaman manis, dapat menikmati suasana aman dan harmoni serta layanan yang sebaik-baiknya.

Inilah hakikat Brunei, Negara MIB, di mana selain daripada itu, ia bukanlah Brunei.”

Titah KDYMM Sempena Sambutan Isra' Mi'raj pada tahun 2019

- Menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40.
- Sebagai platform untuk penyebaran ilmu dan pertukaran maklumat/pengalaman untuk diaplikasikan dalam pendidikan MIB kepada masyarakat.

OBJEKTIF

- Memberikan kefahaman MIB dalam kalangan masyarakat.
- Menekankan kepentingan mengekalkan dan mempertahankan MIB.
- Memperkasa dan memperkukuhkan penghayatan amalan dan nilai-nilai MIB.
- Mengenal pasti cabaran dalam mempertahankan MIB.

Penganjuran seminar ini diharapkan sebagai usaha KUPU SB yang berterusan dalam memainkan peranannya ke arah mempertahankan dan menyebarkan ajaran Islam dan Falsafah Melayu Islam Beraja melalui pendidikan perguruan agama kepada umat Islam di negara ini.

Atur Cara

SABTU

21 SYABAN 1445 BERSAMAAN 02 MAC 2024

SESI PAGI

- 7.30 pagi : Kehadiran Ahli Jawatankuasa Kerja
- 7.45 pagi : Kehadiran peserta dan pensyarah
- 8.00 pagi : Kehadiran Pegawai-Pegawai Utama KUPU SB dan Jemputan
- 8.10 pagi : Kehadiran Jemputan-Jemputan Khas
- 8.15 pagi : Kehadiran Tetamu Kehormat Majlis

Yang Mulia

Dato Seri Paduka Awang Mohd Riza bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos
Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam)
Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam

- 8.20 pagi : Majlis dimulakan dengan bacaan Surah al-Fatihah dan Doa
: Bacaan Asma al-Husna
: Lagu Kebangsaan
- 8.30 pagi : Ucapan Alu-aluan oleh Pengerusi
- 8.45 pagi : Ucapan Perasmian oleh Tetamu Kehormat Majlis
- 9.00 pagi : Ucaptama

Yang Mulia Dato Paduka Dr. Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim

Tajuk: MEMPERKASA PENGHAYATAN AMALAN DAN NILAI-NILAI
MIB KE ARAH MEREALISASIKAN WAWASAN 2035

- 9.35 pagi : Persembahan 'Perlembagaan Negeri Brunei'
- 9.55 pagi : Penyampaian Cenderahati kepada Pembentang Ucaptama dan
Tetamu Kehormat Majlis
- 10.10 pagi : Bacaan Doa
- 10.20 pagi : Rehat

- 10.40 pagi : Pembentangan Kertas Kerja I
- Yang Mulia Profesor Dr. Haji Awang Asbol bin Haji Mail
Akademi Pengajian Brunei Universiti Brunei Darussalam
- Tajuk: STRATEGI PENERAPAN DAN PENGUKUHAN AMALAN DAN NILAI-NILAI MIB DALAM KALANGAN GENERASI MUDA
- 11.00 pagi : Pembentangan Kertas Kerja II
- Yang Mulia Dr. Haji Adanan bin Haji Basar
Ra'les, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
- Tajuk: PEMANTAPAN SISTEM PENDIDIKAN ISLAM DALAM MENGUKUHKAN FALSAFAH MIB
- 11.20 pagi : Pembentangan Kertas Kerja III
- Yang Mulia Profesor Ampuan Dr. Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah
Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam
- Tajuk: TANTANGAN DUNIA GLOBALISASI DAN IMPLIKASINYA TERHADAP PENGAMALAN NILAI-NILAI MIB
- 11.40 pagi : Sesi Soal Jawab
- 11.50 pagi : Penyampaian sijil dan cenderahati kepada pembentang dan moderator
- 12.00 tengah hari : Rehat & Solat

SESI PETANG

- 1.05 petang : Kehadiran Ahli Jawatankuasa Kerja
- 1.15 petang : Kehadiran peserta dan para pensyarah
- 1.20 petang : Kehadiran Pegawai-Pegawai Utama KUPU SB dan Jemputan
- 1.25 petang : Kehadiran Jemputan-Jemputan khas
- 1.30 petang : Ketibaan Tetamu Kehormat Majlis
- Yang Mulia Awang Ajman bin Haji Meludin
Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam)
Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam
- 1.35 petang : Majlis dimulakan dengan Bacaan Surah al-Fatihah
- 1.45 petang : Pembentangan Kertas Kerja IV
- Yang Mulia Dr. Haji Muhammad Hadi bin Md Melayong
Pengetua Pusat Sejarah Brunei
Tajuk: SEJARAH DAN LATAR BELAKANG MELAYU ISLAM BERAJA
- 2.05 petang : Pembentangan Kertas Kerja V
- Yang Mulia Dr. Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos
Yang Di-Pertua Persatuan Sejarah (PESEBAR)
Tajuk: MIB MENGUKUHKAN PERKHIDMATAN AWAM DARI ASPEK
PENDIDIKAN
- 2.25 petang : Sesi Soal Jawab
- 2.45 petang : Forum Khas
- PEMERKASAAN PENDIDIKAN MELAYU ISLAM BERAJA DALAM
MENGHADAPI HAMBATAN DUNIA KONTEMPORARI
- 3.50 petang : Bacaan Resolusi
- 4.05 petang : Penyerahan Resolusi kepada Tetamu Kehormat Majlis
- 4.15 petang : Penyampaian cenderahati kepada para pembentang, ahli panel forum, dan moderator serta tetamu kehormat majlis
- 4.30 petang : Bacaan Doa
- 4.40 petang : Bersurai

**MEMPERKASA PENGHAYATAN AMALAN DAN NILAI-NILAI
MIB KE ARAH MEREALISASIKAN WAWASAN 2035**



**Yang Mulia
Dato Paduka Dr. Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim
Negara Brunei Darussalam**

Sejarah Pendidikan: Dato Paduka Dr. Haji Abdul Latif mula mendapat pendidikan awal beliau di Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam (SMJA, 1951-1954), dan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddien (SOAS, 1955-1961). Kemudian beliau melanjutkan pelajaran di East West Centre, University of Hawaii, Amerika Syarikat (1968-1969) dan memperoleh *Certificate of Museum Management*, dan menjalani penempatan di Museum of Mankind di London, (1972-1974) serta memperoleh *Diploma of Museums Association* (1976) di James Cook University of North Queensland, Australia (1980-1981). Seterusnya beliau memperoleh *Graduate Diploma of Material Culture* di University of Cambridge di United Kingdom. Beliau telah mejalankan pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan memperolehi ijazah M.Phil (1984), M.Litt (1994), serta ijazah Ph.D. (2001)

Sejarah Perkhidmatan: Beliau pernah berkhidmat di Pejabat Tanah Brunei sebagai kerani 'B' (1962-1965), di Muzium Brunei (1965-1983) dengan jawatan terakhir sebagai Kurator Etnografi; di Pusat Sejarah Brunei (1983-1989) dengan jawatan terakhir sebagai Timbalan Pengetua; dan di Universiti Brunei Darussalam (UBD, 1989-1999) dengan jawatan terakhir sebagai Penolong Naib Canselor. Selepas bersara, beliau diambil berkhidmat semula di UBD secara berkontrak (1999-2004) dan pernah dilantik sebagai Pengarah, Akademi Pengajian Brunei (1993-1999) dan (2001-2002), yang juga membawa tugas sebagai Setiausaha Majlis Tertinggi Kebangsaan Melayu Islam Beraja (MTMIB). Kemudian dilantik sebagai Pengarah (15 April 2004) di Balai Kenangan Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien di Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di- Pertuan Negara Brunei Darussalam sehingga bulan Mei 2011.

Penulisan dan Penerbitan: Antara penulisan beliau ialah *Kampong Ayer: Living Memory, Dinamik Warisan Melayu, Masjid-Masjid Negara Brunei Darussalam* dan lain-lain. Beliau juga ada menyumbangkan artikel di dalam jurnal.

Pembentangan Kertas Kerja 1



STRATEGI PENERAPAN DAN PENGUKUHAN AMALAN DAN NILAI-NILAI MIB DALAM KALANGAN GENERASI MUDA

*Yang Mulia Professor Dr Haji Awang Asbol bin Haji Mail
Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam*

Sejarah Pendidikan: Professor Dr. Haji Awang Asbol menamatkan kursus perguruan di Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong. Beliau melanjutkan pelajaran di Universiti Brunei Darussalam Oktober 1985-Jun 1989 dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian Kelas Pertama. Seterusnya beliau memperoleh Ijazah Sarjana Sastera dalam bidang sejarah Brunei pada tahun 1996 di Universiti Malaya, Kuala Lumpur Malaysia, dan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Sejarah Brunei pada bulan Ogos 2004 di Universiti yang sama.

Sejarah Perkhidmatan: Karier beliau bermula sebagai Guru Terlatih (30 Jun 1974 - 4 November 1976), dan setelah itu sebagai tenaga pengajar di Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SMJA) selama hampir sembilan tahun. Seterusnya beliau bertugas sebagai Pensyarah di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam dan beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Profesor Penuh pada tahun 2013. Sekarang, beliau bertugas sebagai Profesor di Fakulti Sastera dan Sains Sosial dalam Program Pengajian Sejarah dan Antarabangsa, dan juga di Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, sejak tahun 2019.

Penulisan dan Penerbitan: Beliau telah menerbitkan beberapa buku, antaranya ialah *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Brunei 1950 - 1985*, *Kesultanan Melayu Brunei Abad Ke - 19: Politik dan Struktur Pentadbiran*, *Politik Brunei (1959 - 1983: Isu Pertahan dan Keselamatan serta Sejarah*, dan *Pensejarahan Brunei: Dinamika Pembentukan dan Transformasi*. Beliau juga penulis undangan bagi buku *Sejarah 100 Tahun Pendidikan Brunei dan Sultan Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien Tokoh Adat Istiadat Sepanjang Zaman*. Beliau juga pernah dilantik oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri sebagai ketua penyemak dan nara sumber bagi buku *Kegemilangan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam*.



PEMANTAPAN SISTEM PENDIDIKAN ISLAM DALAM MENGUKUHKAN FALSAFAH MIB

*Yang Mulia Dr. Haji Adanan bin Haji Basar
Ra'es, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan*

Sejarah Pendidikan: Dr. Haji Adanan telah menjalankan pengajian beliau di Universiti al-Azhar dalam bidang Syariah wal Qanun (Nizam 'Am). Beliau beroleh Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Pengajian Islam di UBD (1997) Minor: Bahasa Arab, Pengajian Brunei dan Sejarah. Seterusnya melanjutkan pengajian dan beroleh Ijazah Sarjana dalam Pendidikan Islam di Yarmouk Universiti (2001) dan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Pendidikan Islam di Universiti Malaya (2011).

Sejarah Perkhidmatan: Beliau pernah berkhidmat sebagai Pegawai Pelajaran Ugama di sekolah Menengah Muda Hashim Tutong; Pensyarah di Fakulti Pengajian Islam, UBD; Pensyarah di Fakulti Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, UBD, Timbalan Dekan di Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, UBD. Seterusnya beliau menjawat jawatan sebagai Penolong Ra'es KUPU SB (2012) merangkap Dekan Fakulti Pendidikan; Pengarah Pusat Pengajian Lepas Ijazah dan Penyelidikan, Timbalan Ra'es (2014) dan mula dilantik sebagai Ra'es pada 05 Ogos 2017 hingga sekarang. Beliau juga merupakan Ahli Majlis Ugama Islam bagi tempoh tiga tahun mulai 5 Oktober 2022 sehingga 4 Oktober 2025.

Penulisan dan Penerbitan: Buku *Tulisan Jawi: Mudah dan Ringkas*.

Pembentangan Kertas Kerja III



TANTANGAN DUNIA GLOBALISASI DAN IMPLIKASINYA TERHADAP PENGAMALAN NILAI-NILAI MIB

Yang Mulia

*Professor Ampuan Dr. Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah
Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam*

Sejarah Pendidikan: Professor Ampuan Dr. Haji Brahim menerima pendidikan awal di Sekolah Rendah Limau Manis, Sekolah Rendah Pengkalan Batu, Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SMJA) Padang, Sekolah Menengah SMJA Bukit, Maktab Melayu Paduka Seri Baginda Sultan Jalan Muara, Maktab Perguraun Sultan Hassanal Bolkiah Gadong, Universiti Brunei Darussalam (ijazah Sarjana Muda Pendidikan, 1989); School of Oriental and African Studies (SOAS) University of London (SOAS) (ijazah Sarjana Malay Studies, 1992); dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) (Persuratan Melayu, 1988).

Sejarah Perkhidmatan: Beliau mula berkhidmat dengan Kerajaan sebagai guru pelatih (1977); tutor di beberapa buah sekolah Menengah dan UBD (1989); Pensyarah (1992), Pensyarah Kanan (2000); dilantik sebagai Profesor Madya (2008) dan Profesor (2021) di UBD. Dalam bidang pentadbiran UBD, beliau pernah menjawat beberapa jawatan penting, antaranya Timbalan Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS) (2000); Dekan Pelajar (2001 - 2005); Dekan FASS (2005 - 2008); Pengarah Akademi Pengajian Brunei (APB) (2012 - 2016), Pengarah Pusat Pengajian Islam Sultan Omar Ali Saifuddin (2019 - 2020); memangku beberapa jawatan iaitu Ketua Jabatan Kesusasteraan Melayu; Dekan Lulusan Ijazah dan Penyelidikan; dan Penolong Naib Canselor.

Penulisan dan Penerbitan: Dalam bidang penulisan sastera kreatif, beliau dikenali dengan nama pena Brahim A.H.T dan Rahimi A.B. Antara penerbitan buku beliau ialah *Hikayat Awang Kamaruddin: Analisis dan Contoh Soalan Peperiksaan Bersama Jawapan*. (DBP Brunei, 2004); sebuah monograf bertajuk *Sastera Brunei Sebagai Entiti Sastera Nusantara* (DBP Kuala Lumpur, 2000); dan *Hikayat Merong Mahawangsa: Karya Agung dalam Sejarah Kesultanan Kedah* (DBP, Kuala Lumpur, 2022). Begitu juga penerbitan bersama, antaranya ialah *Panorama Sastera Nusantara* (Balai Pustaka Jakarta, 1997); *Melayu Islam Beraja, The Malay Islamic Monarchy in Negara Brunei Darussalam Prior to 1906: A Historical Study* (UNISSA, 2021); dan *An Overview of Brunei Literature: History, Historiography and Critical Approaches*. dalam *Routledge Handbook of Contemporary Brunei* (Routledge, 2023).

SEJARAH DAN LATAR BELAKANG MIB



Yang Mulia Dr. Haji Muhammad Hadi bin Md Melayong
Pengetua, Pusat Sejarah Brunei

Sejarah Pendidikan: Dr. Haji Muhammad Hadi menerima pendidikan awal di Sekolah Rendah Melayu Benutan (1965 - 1970); Sekolah Tun Seri Lanang, Singapura (1971 - 1974); dan Sekolah Menengah Sang Nila Utama, Singapura (1975 - 1976). Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Melayu dari Universiti Singapura, Bukit Timah Campus (1977 - 1980); Diploma Pendidikan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (1982 - 1983); Ijazah Sarjana Lanjutan (Master of Arts in History) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (1992 - 1993); dan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Sejarah dari University of Hull, United Kingdom (1997 - 2002).

Sejarah Perkhidmatan: Mula berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai Pegawai Pelajaran di Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin (1980 - 1981); Timbalan Pengetua di Pusat Tingkatan Enam, Gadong (1983); Timbalan Pengetua dan Pemangku Pengetua di Sekolah Menengah Berakas (1986); kemudian berpindah ke Pusat Sejarah Brunei dan dilantik sebagai Penolong Ketua Unit Penyelidikan (1986), Ketua Unit Penyelidikan (1992) dan Timbalan Pengetua (1997 - 2009); seterusnya dilantik sebagai Pengarah di Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri hingga 10 Ogos 2012. Seterusnya beliau dilantik sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan di Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja bermula tahun 2012 hingga tahun 2019. Kini, beliau berkhidmat sebagai Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Penulisan dan Penerbitan: Beliau banyak menghasilkan penulisan dan buku-buku beliau diterbitkan oleh Pusat Sejarah Brunei, Jabatan Penerangan, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei dan Malaysia. Antara buku-buku beliau ialah *Catalyst Towards Victory*, *Sultan Haji Hassanal Bolkiah: Penegak Warisan Bangsa*, *Mutiara Bangsa*, *Melayu Islam Beraja*, *Menjejaki Sejarah Keturunan Orang-Orang Brunei di Natuna*, *Perkembangan Politik dalam Zaman Pemerintahan Sultan Haji Omar Ali Saifuddin*, *Chronicles of the Loss of Territory (limited edition)*, dan *Asal Usul Tasik Merimbun*.

Pembentangan Kertas Kerja V



MIB MEMPERKUKUH PERKHIDMATAN AWAM DARI ASPEK PENDIDIKAN

Yang Mulia

*Dr. Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunus
Yang Di-Pertua Persatuan Sejarah (PESEBAR)*

Pencapaian Akademik: Dr. Haji Mohd. Rozan berkelulusan Sarjana Muda Sastera (B.A. Hons) dalam bidang Undang-Undang dan Ekonomi dari Keele University, United Kingdom (1987); Sarjana dalam bidang Pentadbiran Awam dari Harvard University, United States of America (1997); Sarjana dalam bidang Pentadbiran Perniagaan dari Heriot Watt University United Kingdom (2002); dan telah mengikuti Program Pembangunan Eksekutif (EDP) di Universiti Brunei Darussalam (2005). Beliau telah beroleh Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Urus Tabir Islam, di Universiti Brunei Darussalam (2023).

Sejarah Perkhidmatan: Beliau mula menjawat jawatan penting pada tahun 1987, yang antaranya ialah Pegawai Pentadbir Tingkat I di Jabatan Perkhidmatan Awam dan di Kementerian Perhubungan (1987); Pengurus Perancangan Korporat di Jabatan Telekom (1991); Penolong Pengarah Urusan Tabung Amanah Pekerja (1993), Pegawai Pentadbir Kanan, di Kementerian Kewangan (1997), Sekretariat Majlis Ekonomi Brunei (2000), Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (2001) dan Jabatan Perdana Menteri (2001); Pengarah Urusan Tabung Amanah Pekerja (2004), Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Kewangan; Setiausaha Tetap di Kementerian Pembangunan (2008), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (2011), dan Jabatan Perdana Menteri (2014), dan Pengarah Eksekutif Pusat Kajian Strategik dan Dasar (2016). Bermula pada tahun 2017 sehingga sekarang, beliau bertugas sebagai Profesor Adjung di Pusat Pengajian Sepanjang Hayat, Universiti Brunei Darussalam. Fakulti-fakulti di bawah bidang teras beliau ialah Institut Pengajian Dasar UBD, Akademi Pengajian Brunei UBD, Pusat Pengajian Sepanjang Hayat UBD. Pada tahun 2022, beliau juga bertugas sebagai Profesor Adjung di Fakulti Pembangunan Pengurusan Islam Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Beliau juga adalah pengasas bagi Qasrun Nafis Publishing House dan Qasrun Nafis Consultancy and Training Services.

Penulisan dan Penerbitan: Dalam bidang penulisan, beliau telah menghasilkan lebih daripada 300 buah artikel, dan menerbitkan lebih kurang 10 buah buku. Antara buku beliau ialah *Our Brunei Heritage, The Golden Warisan Brunei Darussalam, Brunei The Origins, The Golden Islamic Heritage of Brunei Darussalam* dan lain-lain lagi.

FORUM KHAS

PEMERKASAAN PENDIDIKAN MELAYU ISLAM BERAJA DALAM MENGHADAPI HAMBATAN DUNIA KONTEMPORARI

AHLI PANEL I

Yang Mulia Dr. Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha
Pemangku Timbalan Ra'es
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan



AHLI PANEL II

Yang Mulia Profesor Dr. Haji Awang Asbol bin Haji Mail
Universiti Brunei Darussalam



AHLI PANEL III

Yang Mulia Dr. Arman bin Haji Asmad
Penolong Rektor (Penyelidikan, Antarabangsa & Perkhidmatan)
Universiti Islam Sultan Sharif Ali



MODERATOR

Yang Mulia Dr. Haji Muhammad Hadi bin Md Melayong
Pengetua
Pusat Sejarah Brunei



**JAWATANKUASA KERJA
SEMINAR KEBANGSAAN PENDIDIKAN MELAYU ISLAM BERAJA
SEMARAK HARI KEBANGSAAN SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI
KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-40**

PENASIHAT

**Dr. Haji Adanan bin Haji Basar
Ra'es**

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)

PENGERUSI BERSAMA

**Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar
Pengarah**

Pusat Ilmu Teras, KUPU SB

**Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong
Pengetua**

Pusat Sejarah Brunei (PSB)

**Dr. Haji Ramlee bin Haji Tinkong
Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan**

Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MTMIB)

TIMBALAN PENGERUSI BERSAMA

**Dayang Norhazimah Nadzirah binti Haji Misli
Timbalan Pengarah**

Pusat Ilmu Teras, KUPU SB

**Awang Mohammad Faisal bin Haji Mat Salleh
Pemangku Timbalan Pengetua I**

Pusat Sejarah Brunei (PSB)

**Awang Rushdi bin Haji Abdul Rahman
Ketua Bahagian Pengurusan dan Kewangan**

Pejabat Sekretariat MTMIB

SETIAUSAHA BERSAMA

Awang Mohammad Muslihuiddin Syah bin Haji Mustafa (KUPU SB)

**Muhammad Syahmi bin Halimshah
Pemangku Timbalan Pengetua II
Pusat Sejarah Brunei (PSB)**

**Dr. Siti Salwana Syarfa' binti Haji Dahlan
Ketua Bahagian Penyelidikan dan Sumber
Pejabat Sekretariat MTMIB**

BAHAGIAN KEWANGAN

Dayang Hajah Amalina binti Awang Haji Tahir (KUPU SB)

BAHAGIAN PUBLISITI & PERHUBUNGAN AWAM

**Pengiran Siti Katijah binti Pengiran Sulaiman (KUPU SB)
Dayang Nurussyakirah@Maslinawati binti Abdul Wahab (PSB)**

BAHAGIAN PERSEMPAHAN

**Awang Haji Muhammad Khairul Azhar bin Idris (KUPU SB)
Haji Muhammad Adhwa Firdaus bin Haji Awang Hassim (PSB)
Halimatus Rabeatul Saiedah binti Huzaimi
Muhd Saiful Amin bin Rosli**

BAHAGIAN BACK DROP, PA SISTEM & GRAPHIC DESIGNER

**Awang Haji Md. Zulfadli bin Awang Haji Othman (KUPU SB)
Haji Muhammad Zul-Azri bin Haji Abdul Rajid (KUPU SB)
Awang Haji Abdul Hakim bin Haji Abdul Hamid (KUPU SB)
Mohd Azari bin Haji Metassan (KUPU SB)
Syahmi Hasif bin Sabtu (KUPU SB)**

BAHAGIAN VIDEO PERASMIAN DAN PENUTUP

**Awang Muhammad Iqbal Waliuddin bin Minen (KUPU SB)
Awang Haji Ismandi bin Haji Timbang (PSB)**

BAHAGIAN KELENGKAPAN, KENDERAAN DAN LETAK KERETA

**Pengiran Haji Sabarin bin Pengiran Haji Mohammad (KUPU SB)
Mohamad Hazim bin Haji Hashim (PSB)
Nasrul Hafizan bin Mohd. Noor (PSB)**

BAHAGIAN JEMPUTAN DAN PROTOKOL

**Pengiran Haji Amirul Amin bin Pengiran Haji Jamaluddin (KUPU SB)
Dayang Amshahnoorwadi binti Haji Yakub (KUPU SB)
Dayang Adibah binti Md. Jaafar (PSB)**

BAHAGIAN PENDAFTARAN, PENGAWAS PESERTA & PENYAMBUT TETAMU

KUPU SB

**Awang Mohammad Amirol bin Abdul Rahim (Ketua)
Awang Mohamed Noor bin Haji Ibrahim/Brahim
Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya
Dayang Roseanita binti Haji Timbang
Dayang Norain binti Haji Othman
Dayang Nur Fadilah Fakhriah binti Haji Yunos
Awang Abdul Hadi bin Haji Abdullah
Dayang Rabiatal Adawiyah binti Haji Mohd Shamsul
Dayang Amal Nazurah binti Haji Maidin
Dayang Nur Fatin Nabahah binti Saini
Dayang Hajah Nurul Hidarani Binti Haji Mohin
Awang Muhammad Fayyadh bin Awang Taib
Awang Muhammad Razin bin Ramli
Dayang Aqilah binti Haji Awang Bakar
Dayangku Ummi NurSabrina binti Pengiran Zulkifli**

PSB

Dr. Mardiah binti Haji Ramli
Hajah Siti Aisah binti Pungut
Dayang Siti Zubaidah binti Haji Ahmadin
Amal Hazirah binti Haji Talip
Nur 'Aizzah@Nurul Rashidah binti Mohammad Ariffin
Hajah Norlita binti Haji Ahmad / Azahari
Mohammad Ardysam bin Haji Abu Bakar
Awang Muhammad Atailah bin Haji Julaihi
Pengiran Linong bin Pengiran Ahmad
Awang Haji Misli bin Haji Mohammed
Masnah binti Abd. Wahab
Muhammad Zaemulkhairi bin Haji Zamhari
Awang Norsahrul bin Haji Ibrahim
Dayang Hajah Hamiddah binti Haji Shahbudin

BAHAGIAN KERTAS KERJA DAN RAPPORTEUR

KUPU SB

Dr. Ismail bin Abas (Ketua)
Dr. Haji Matussein bin Haji Jumat
Awang Azman bin Haji Kassim
Awang Haji Muhammad Khairul Azhar bin Idris
Awang Khairul Muhtadee bin Hamzah
Pengiran Dr Hajah Norwidayawati binti Pengiran Haji Metusin
Dr. Seri Ramizah binti Matussin
Dr. Suhaiella binti Suhaili
Pengiran Norizzati binti Pengiran Haji Kasharan

BAHAGIAN SIJIL, CENDERAHATI DAN PROGRAM

Dayang Erna binti Omar (KUPU SB)
Hajah Rakiah binti Tuah (KUPU SB)
Nor Ara binti Haji Abdul Rahman (KUPU SB)
Nurul 'Aqilah binti Haji Abdul Rahman (KUPU SB)
Syed Faisal bin Syed al Tahir (KUPU SB)
Azari bin Haji Mat Zahari (KUPU SB)
Dayang Siti Nadhrah binti Norzelan (PSB)

BAHAGIAN PENGACARAAN

Dayang Norhazimah Nadzirah binti Haji Misli (KUPU SB)
Awang Jasli bin Jaafar (PSB)

BAHAGIAN JAMUAN

KUPU SB

Dayang Hajah Martiniwati binti Omar (Ketua)
Dayang Hajah Norainun Binti Haji Samsu
Dayang Hajah Norliani binti Haji Mohin

Pejabat Sekretariat MTMIB

Awang Abdul Hadi bin Haji Tinggal
Dayang Farizah binti Mohammad Yusof

PEMBACA SURAH AL-FATIHAH & DOA MAJLIS PERASMIAN DAN PENUTUP

Awang Mohamed Noor bin Haji Ibrahim/Brahim (KUPU SB)
Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya (KUPU SB)

Penghargaan dan Terima Kasih

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih
kepada

Pusat Sejarah Brunei (PSB)

Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MTMIB)

Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR)

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Rakan Media; Jabatan Penerangan, Radio Televisyen Brunei, Media Permata

Organisasi Bukan Kerajaan, dan orang perseorangan

serta semua pihak yang terlibat

atas buah fikiran, khidmat dan sumbangan dalam menjayakan

سمير كبعساءن قنديدين ملايو إسلام براج

SEMINAR KEBANGSAAN PENDIDIKAN MELAYU ISLAM BERAJA

SEMARAK HARI KEBANGSAAN SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-40

Semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala memberikan rahmat dan ganjaran pahala
sebaik-baiknya kepada semua atas penglibatan dan segala usaha yang
berkebajikan ini.

جزاكم الله خير الجزاء